

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan  
Sidang 1990/91

June 1991

ZSE 446/4 Fizik Semikonduktor & Alat Rekaan

Masa : (3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab KESEMUA LIMA soalan.  
Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Tuliskan nota-nota ringkas tentang
  - (i) struktur hablur silikon
  - (ii) kekisi resiprokal silikon dan
  - (iii) jurang tenaga silikon.(60/100)
- (b) Kekonduksian elektrik bagi germanium intrinsik pada suhu bilik ialah  $2.15\Omega^{-1} \text{ m}^{-1}$ . Apakah kelincahan bagi lohong dan elektron? (40/100)
2. (a) Suatu alat rekaan semikonduktor berjenis-n akan digunakan pada suhu  $450^\circ\text{K}$ . Bolehkah silikon yang didopkan dengan  $10^{16}$  atom arsenik tiap  $\text{cm}^3$  digunakan? Jelaskan. (30/100)
- (b) Jelaskan kepentingan taburan Fermi-Dirac untuk menghuraikan sifat-sifat fizik semikonduktor. (30/100)
- (c) Suatu sampel silikon adalah didopkan dengan  $10^{17}$  atom indium tiap  $\text{cm}^3$ . Hitungkan kepekatan-kepekatan elektron dan lohong pada  $350\text{K}$ . (40/100)

...2/-

3. (a) Terbitkan perhubungan arus-voltan bagi suatu diod sim pang. (40/100)
- (b) Suatu sim pang tangga silikon P-N mempunyai  $N_A = 10^{17}$  atom tiap  $\text{cm}^3$  dan  $N_D = 10^{16}$  atom tiap  $\text{cm}^3$ . Luas keratan rentas sim pang ialah  $10^{-10} \text{ m}^2$ . Hitungkan pada suhu bilik (300K).
- (i) Paras Fermi di kawasan-kawasan N dan P
- (ii) Keupayaan sentuh
- (iii)  $X_{no}$
- (iv)  $X_{po}$
- (v)  $\Omega_+$
- (vi)  $\epsilon_o$  (60/100)
4. (a) Jelaskan, dengan menggunakan fizik semikonduktor, operasi suatu transistor sim pang dwikutub (BJT) sebagai amplifier. (40/100)
- (b) Sebutkan perbezaan-perbezaan antara suatu transistor kesan medan sim pang (JFET) dengan suatu transistor kesan medan semikonduktor oksida logam. (30/100)
- (c) Huraikan secara ringkas kaedah tanaman ion. (30/100)
5. (a) Tuliskan nota-nota ringkas tentang:
- (i) Diod Pemancar Cahaya
- (ii) Diod Terowong
- (iii) Kapasitans Sim pang
- (iv) Sentuh Ohmik (60/100)

... 3/-

- (b) Huraikan kaedah penulenan zon untuk mendapat suatu jongkong silikon yang sangat tulen. (40/100)

- 00000000 -